



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2001

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU FARMASI**

TUJUAN

1. 1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan pindaan terhadap skim perkhidmatan Pembantu Farmasi yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991.

LATAR BELAKANG

2. 2. Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan Sijil Pembantu Farmasi dari Kementerian Kesihatan Malaysia setaraf dengan Diploma. Selaras dengan keputusan tersebut, beberapa perbekalan dalam skim perkhidmatan berkenaan perlu dipinda sewajarnya supaya selari dengan pengiktirafan tersebut.

PINDAAN

3. Skim perkhidmatan Pembantu Farmasi yang berkuatkuasa sekarang dipinda seperti berikut:-

- (i) (i) perbekalan di perenggan 1(c) skim perkhidmatan berkenaan digantikan dengan peruntukan baru, iaitu **Diploma Pembantu Farmasi daripada Sekolah Latihan Pembantu Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred U8:P1T6);**
- (ii) (ii) tambahan perbekalan kelayakan **Diploma Farmasi daripada universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred U8 : P1T6);** dan
- (iii) (iii) tambahan lapisan gred dari 3 lapisan U8, U7, U6 kepada 5 lapisan, iaitu **U8, U7, U6, U5, U4.**

Skim perkhidmatan Pembantu Farmasi yang baru ialah seperti di **Lampiran A.**

TARIKH KUATKUASA

4. Tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan Pembantu Farmasi yang baru ini ialah pada 1 Julai 2000.

PELAKSANAAN

5. Anggota yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan diselaraskan ke gaji permulaan mengikut kaedah-kaedah berikut:-

5.1 Lantikan baru anggota yang memiliki kelayakan Diploma Pembantu Farmasi atau Diploma Farmasi ke perkhidmatan Pembantu Farmasi mulai 1 Julai 2000 diberi gaji permulaan P1T6 Gred U8.

5.2 Pembantu Farmasi Gred U8 yang berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun pada 1 Julai 2000 dan berada di mata gaji P1T5 atau P2T5 atau P3T5 dan ke bawah hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan yang baru P1T6 atau P2T6 atau P3T6 Gred U8 mengikut mana yang berkenaan mulai 1 Julai 2000. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) mereka hendaklah berubah pada tahun berikutnya mengikut tarikh ulang tahun diberi pelarasan gaji, iaitu 1 Julai.

5.3 Pembantu Farmasi Gred U8 yang berkhidmat kurang daripada 3 tahun pada 1 Julai 2000 atau yang dilantik selepas tarikh tersebut tetapi tidak lewat daripada 30 Jun 2003 dan telah menghadiri dengan jayanya kursus peralihan, gaji mereka boleh diselaraskan ke mata gaji P1T6 Gred U8 mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Panel Program Peralihan ke skim perkhidmatan Pembantu Farmasi yang baru ini. Walau bagaimanapun, tarikh pelarasan gaji berkenaan tidak boleh lebih awal daripada tarikh tamat kursus. Tarikh pergerakan gaji anggota yang berikutnya akan berubah mengikut tarikh ulang tahun diberi pelarasan gaji ke dalam skim perkhidmatan baru.

5.4 Pembantu Farmasi Gred U8 yang masih dalam tempoh percubaan atau telah dilanjutkan tempoh percubaan sama ada berdenda atau tanpa berdenda pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan juga diselaraskan ke gaji permulaan P1T6 Gred U8. Bagi anggota yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda, tarikh pergerakan gajinya berubah mengikut tarikh ulang tahun pengesahan dalam perkhidmatan tahun berikutnya. Manakala anggota yang dilanjutkan tempoh

percubaan tanpa berdenda pula, tarikh pergerakan gaji berubah mengikut tarikh ulang tahun kuatkuasa pelarasan skim perkhidmatan Pembantu Farmasi iaitu pada 1 Julai.

5.5 Pembantu Farmasi Gred U8 yang telah berada pada mata gaji P1T6 atau P2T6 atau P3T6 dan ke atas pada 1 Julai 2000 tidak terlibat dalam pelarasan gaji ke skim perkhidmatan yang baru ini. Tarikh pergerakan gaji asal (TPG) mereka adalah dikekalkan.

6. Dalam melaksanakan urusan ini, pergerakan gaji yang diputuskan oleh Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG) pada tahun 2000 dikekalkan pada tarikh pergerakan gaji asal (TPG asal). Tarikh pergerakan gaji seterusnya akan berubah pada tarikh ulang tahun kuatkuasa pelarasan skim ini iaitu pada 1 Julai. Contoh-contoh bagi menjelaskan kaedah pelaksanaan pelarasan ke gaji permulaan baru Gred U8 bagi anggota yang terlibat adalah seperti di **Lampiran B** (Contoh 1 hingga 7).

7. Pindaan-pindaan skim perkhidmatan ini hanya terpakai kepada anggota yang telah memilih terima opsyen Sistem Saraan Baru (SSB). Anggota yang telah menolak tawaran opsyen SSB adalah kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK). Walau bagaimanapun, apabila dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatan berkenaan, anggota tersebut akan tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan SSB mulai tarikh kenaikan pangkatnya.


PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Farmasi yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1992 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

PERKHIDMATAN

AWAM

20 Disember 2001

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) (i) Diploma Pembantu Farmasi daripada Sekolah Latihan Pembantu Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (Gaji permulaan pada Gred U8:P1T6); atau
 - (ii) (ii) Diploma Farmasi daripada universiti-universiti tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred U8:P1T6).
 - dan (d) (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U8 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pembantu Farmasi yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pembantu Farmasi boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PEPERIKSAAN/KURSUS INDUKSI**
5. Pembantu Farmasi Gred U8 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pembantu Farmasi Gred U8 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan;
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KURSUS KENAIKAN
PANGKAT**

8. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U7**

9. Pembantu Farmasi Gred U8 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Farmasi Gred U7 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (c) (i) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 8 di atas jika berkenaan; atau
(ii) memiliki Sijil Pengajar dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan; dan

- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan /Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U6**

10. Pembantu Farmasi Gred U7 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Farmasi Gred U6 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 8 di atas
- (c) jika berkenaan; dan
diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U5**

11. Pembantu Farmasi Gred U6 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Farmasi Gred U5 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 8 di atas jika berkenaan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan .

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U4**

12. Pembantu Farmasi Gred U5 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Farmasi Gred U4 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 8 di atas jika berkenaan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan .

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PEGAWAI FARMASI**

13. Pembantu Farmasi yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Farmasi Gred U3 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

LAMPIRAN B

PELAKSANAAN KAEDAH PELARASAN GAJI DAN KEPUTUSAN PPG SKIM PERKHIDMATAN BARU PEMBANTU FARMASI BERKUATKUASA MULAI 1 JULAI 2000 SECARA KEBELAKANGAN

CONTOH 1

TPG asal anggota ialah 1 April iaitu sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 2000 dan anggota telah menikmati keputusan PPG 2000. Gaji anggota yang layak diselaraskan ke dalam skim baru ini dan berada di mata gaji RM1024.10 (P1T5) Gred U8 pada tarikh kuatkuasa skim diselaraskan ke mata gaji RM1072.50 (P1T6) Gred U8 dan TPG berubah pada 1 Julai 2001. Dengan ini maka pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi keputusan PPG hendaklah mengikut TPG baru mulai tahun 2001.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 2000.

TPG asal : 1 APRIL

TPG baru : 1 JULAI mulai tahun 2001

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.4.1999	887 (P1T4)		TPG asal
1.1.2000	975.70 (P1T4)		Pelarasan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000
1.4.2000	1024.10 (P1T5)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.7.2000		1072.50 (P1T6)	Gaji diselaraskan ke mata gaji permulaan skim perkhidmatan baru Pembantu Farmasi.
1.4.2001	1072.50 (P1T6)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.7.2001		1120.90 (P1T7)	TPG baru Pergerakan gaji mendatar

Catatan: TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelaras Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

**PELAKSANAAN KAEDAH PELARASAN GAJI DAN KEPUTUSAN PPG
SKIM PERKHIDMATAN BARU PEMBANTU FARMASI
BERKUATKUASA MULAI 1 JULAI 2000 SECARA KEBELAKANGAN**

CONTOH 2

TPG asal anggota ialah 1 Oktober iaitu selepas tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 2000 dan anggota belum menikmati keputusan PPG 2000. Gaji anggota yang layak diselaraskan ke dalam skim baru ini dan berada di mata gaji RM1024.10 (P1T5) Gred U8 pada tarikh kuatkuasa skim diselaraskan ke mata gaji RM1072.50 (P1T6) Gred U8 dan TPG berubah pada 1 Julai 2001. Dengan ini maka pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi keputusan PPG hendaklah mengikut TPG baru mulai tahun 2001.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 2000.

TPG asal : 1 OKTOBER

TPG baru : 1 JULAI mulai tahun 2001

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.10.1999	931 (P1T5)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.1.2000	1024.10 (P1T5)	-	Pelarasan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000
1.7.2000		1072.50 (P1T6)	Gaji diselaraskan ke mata gaji permulaan skim perkhidmatan baru Pembantu Farmasi
1.10.2000	1140.70 (P2T6)	1192.40 (P2T7)	TPG asal Pergerakan gaji melintang
1.7.2001		1244.10 (P2T8)	TPG baru Pergerakan gaji mendatar

Catatan: TPG - Tarikh Pergerakan Gaji
PPG - Panel Penyelaras Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

**PELAKSANAAN KAEDAH PELARASAN GAJI DAN KEPUTUSAN PPG
SKIM PERKHIDMATAN BARU PEMBANTU FARMASI
BERKUATKUASA MULAI 1 JULAI 2000 SECARA KEBELAKANGAN**

CONTOH 3

TPG asal anggota ialah 1 Januari iaitu sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 2000 dan anggota telah menikmati keputusan PPG 2000. Gaji anggota yang layak diselaraskan ke skim baru ini dan berada di mata gaji RM1089.00 (P2T5) Gred U8 pada tarikh kuatkuasa skim diselaraskan ke mata gaji RM1140.70 (P2T6) Gred U8 dan TPG berubah pada 1 Julai mulai tahun 2001. Dengan ini maka pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi keputusan PPG hendaklah mengikut TPG baru mulai tahun 2001.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 2000.

TPG asal : 1 JANUARI

TPG baru : 1 JULAI mulai tahun 2001

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.1.1999	931 (P1T5)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.1.2000	1024.10 (P1T5)	-	Pelarasan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000
1.1.2000	1089.00 (P2T5)		TPG asal Pergerakan gaji menegak
1.7.2000		1140.70 (P2T6)	Gaji diselaraskan ke mata gaji permulaan skim perkhidmatan baru Pembantu Farmasi
1.1.2001	1140.70 (P2T6)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.7.2001		1192.40 (P2T7)	TPG baru Pergerakan gaji mendatar

Catatan: TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelaras Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

**PELAKSANAAN KAEDAH PELARASAN GAJI DAN KEPUTUSAN PPG
SKIM PERKHIDMATAN BARU PEMBANTU FARMASI
BERKUATKUASA MULAI 1 JULAI 2000 SECARA KEBELAKANGAN**

CONTOH 4

TPG asal anggota ialah 1 April iaitu sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 2000. Anggota telah menikmati keputusan PPG 2000 iaitu pergerakan gaji melintang di mata gaji RM1140.70 (P2T6) Gred U8 pada 1.4.2000. Oleh kerana anggota pada tarikh kuatkuasa skim baru telah berada di mata gaji permulaan di P2T6 (gaji permulaan mengikut peringkat gaji) maka anggota **tidak terlibat** dalam urusan pelarasan gaji ke dalam skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 2000 dan TPG asal tidak berubah.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 2000.

TPG asal : 1 APRIL

TPG baru : 1 APRIL mulai tahun 2001

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.4.1999	931 (P1T5)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.1.2000	1024.10 (P1T5)	-	Pelarasan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000
1.4.2000	1140.70 (P2T6)		TPG asal Pergerakan gaji melintang
1.7.2000	1140.70 (P2T6)	Tidak terlibat	Gaji anggota tidak berubah kerana pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru, gajinya telah berada di mata gaji permulaan
1.4.2001	1192.40 (P2T7)	Tidak terlibat	TPG tidak berubah Pergerakan gaji mendatar

Catatan: TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelaras Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

LAMPIRAN B

PELAKSANAAN KAEDAH PELARASAN GAJI DAN KEPUTUSAN PPG SKIM PERKHIDMATAN BARU PEMBANTU FARMASI BERKUATKUASA MULAI 1 JULAI 2000 SECARA KEBELAKANGAN

CONTOH 5

Anggota yang berkhidmat kurang dari 3 tahun pada 1 Julai 2000 dan telah menghadiri dengan jayanya kursus peralihan dan gaji anggota diselaraskan ke mata gaji P1T6 mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Panel Program Peralihan ke skim perkhidmatan baru Pembantu Farmasi. Kuatkuasa pelarasan ke gaji permulaan P1T6 dalam skim perkhidmatan baru mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Panel Program Peralihan ialah pada **1 Mac 2001**.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa pelarasan iaitu tahun 2001.

TPG asal : 1 APRIL

TPG baru : 1 JANUARI 2002 (Selaras dengan kaedah penetapan tarikh pergerakan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1999)

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.4.2000	878.90 (P1T2)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.3.2001		1072.50 (P1T6)	Gaji diselaraskan ke mata gaji permulaan skim perkhidmatan baru mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Panel Program Peralihan.
1.4.2001	927.30 (P1T3)	1120.90 (P1T7)	TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.1.2002		1169.30 (P1T8)	TPG baru Pergerakan gaji mendatar

Catatan: TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelaras Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

LAMPIRAN B

PELAKSANAAN KAEDAH PELARASAN GAJI DAN KEPUTUSAN PPG SKIM PERKHIDMATAN BARU PEMBANTU FARMASI BERKUATKUASA MULAI 1 JULAI 2000 SECARA KEBELAKANGAN

CONTOH 6

TPG asal anggota ialah 1 Julai iaitu sama dengan tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 2000. Keputusan PPG tahun 2000 anggota ialah pergerakan gaji mendatar RM1024.10 (P1T5). Gaji anggota yang layak diselaraskan ke dalam skim baru ini dan berada di mata gaji RM1024.10 (P1T5) iaitu selepas diberi TPG asal pada tarikh kuatkuasa skim baru diselaraskan ke mata gaji permulaan skim baru di P1T6.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu tahun 2000.

TPG asal : 1 Julai

TPG baru : 1 JULAI mulai tahun 2001

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.7.1999	887 (P1T4)		TPG asal
1.1.2000	975.70 (P1T4)		Pelarasan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000
1.7.2000	1024.10 (P1T5)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.7.2000		1072.50 (P1T6)	Gaji diselaraskan ke mata gaji permulaan skim perkhidmatan baru Pembantu Farmasi.
1.7.2001	1072.50 (P1T6)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.7.2001		1120.90 (P1T7)	TPG baru Pergerakan gaji mendatar

Catatan: TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelaras Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

LAMPIRAN B

PELAKSANAAN KAEDAH PELARASAN GAJI DAN KEPUTUSAN PPG SKIM PERKHIDMATAN BARU PEMBANTU FARMASI BERKUATKUASA MULAI 1 JULAI 2000 SECARA KEBELAKANGAN

CONTOH 7

Anggota masih dalam tempoh percubaan pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 2000 dan telah dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda. Gaji anggota yang layak diselaraskan ke skim perkhidmatan baru ini dan berada di mata gaji RM1037.30 (P2T4) Gred U8 pada tarikh kuatkuasa skim diselaraskan ke mata gaji RM1140.70 (P2T6) Gred U8. TPG anggota berubah iaitu pada 1 Oktober 2001 (ulang tahun tarikh pengesahan dalam perkhidmatan). Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 2000.

TPG asal : 1 April
Tarikh Pengesahan Perkhidmatan : 1 Oktober 2000.

TPG baru : 1 Oktober mulai tahun 2001

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.4.1999	887 (P1T4)		TPG asal Pergerakan gaji mendatar
1.1.2000	975.70(P1T4)		Pelarasan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000
1.4.2000	1037.30(P2T4)		TPG asal Pergerakan gaji menegak
1.7.2000		1140.70 (P2T6)	Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan skim perkhidmatan baru Pembantu Farmasi.
1.10.2000			Tarikh pengesahan dalam perkhidmatan
1.10.2001		1192.40 (P2T7)	TPG baru (mendatar) Pergerakan gaji mendatar

Catatan: TPG - Tarikh Pergerakan Gaji
PPG - Panel Penyelaras Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji